

**Parlimen: YBGK Bantu Semua Kes Jenayah Kecuali Yang Bawa Hukuman Mati -
Najib
Bernama
19 Mac, 2012**

KUALA LUMPUR, 19 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Najib Tun Razak berkata Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK) akan memberi bantuan guaman kepada semua jenis kesalahan jenayah kecuali yang membawa hukuman mati.

Perdana Menteri berkata ini kerana pihak mahkamah telah menyediakan perkhidmatan peguam yang dilantik oleh mahkamah kepada tertuduh bagi kes-kes itu.

"Bantuan guaman dan khidmat nasihat dalam perkara jenayah akan diberikan kepada mana-mana warganegara Malaysia yang memerlukan bantuan guaman di peringkat tangkapan, reman/tahanan dan permohonan ikat jamin tanpa had pendapatan.

"Namun begitu, satu ujian kemampuan akan dijalankan untuk menentukan kelayakan orang yang akan menerima bantuan guaman di peringkat perbicaraan dan rayuan di mahkamah," katanya dalam jawapan bertulis kepada Lim Lip Eng (DAP-Segambut) di Parlimen pada Isnin.

--BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=653232>